



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

14 Februari 2021
02 Rejab 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	• Akuakultur mampu jana RM9.08b menjelang 2030
Malaysia Dateline	•
Bernama Online	• MAFI sasar pengeluaran akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang 2030
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		BERNAMA ONLINE	✓	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14/02/21	

MAFI sasar pengeluaran akuakultur sebanyak 958,00 tan metrik menjelang 2030



KOTA BHARU, 14 Feb -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengeluaran sektor akuakultur sebanyak 958,000 tan metrik menjelang 2030 dengan nilai RM9.08 bilion.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata bagi merealisasikan sasaran ini, kerajaan menggunakan pendekatan persekitaran mesra perniagaan agar pembangunan sektor akuakultur dapat dipacu termasuk penglibatan sektor swasta.

“Strategi lain termasuk meningkatkan sistem ternakan sedia ada dan menggalakkan pembangunan projek akuakultur baharu dalam skala kecil dan sederhana secara berkelompok,” katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke kolam ternakan ikan air tawar di Kampung Jejuluk di sini hari ini.

Che Abdullah berkata sektor akuakultur kini menjadi penyumbang kepada sumber makanan negara di samping menjadi aktiviti pengimbang kepada sektor perikanan tangkapan di laut sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

“Berdasarkan kepada statistik pengeluaran pada 2018, pengeluaran sektor akuakultur adalah sebanyak 391,465 metrik tan bernilai RM3.06 bilion manakala bagi 2019 adalah 411,782 tan metrik bernilai RM3.30 bilion.

“Pengeluaran sektor ini mencatatkan peningkatan kuantiti dan nilai dari tahun ke tahun dan daripada jumlah tersebut, Kelantan menyumbangkan sebanyak 6,449 tan metrik pengeluaran pada 2019 dengan nilai RM57 juta yang merangkumi komoditi air tawar, ikan payau dan juga rumpai laut,” katanya.

Beliau berkata sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, bekalan makanan mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat dan harga bekalan adalah terkawal.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		HARAKAH	✓	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14/02/21	

Akuakultur mampu jana RM9.08b menjelang 2030

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjangkakan sektor akuakultur mampu menjana keuntungan sehingga RM9.08 bilion menjelang tahun 2030.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan kini sedang merangka pelbagai strategik bagi merealisasikan hasrat itu.

Menurutnya, hasrat pengeluaran tersebut merupakan fokus utama Jabatan Perikanan Malaysia yang menjadi sebagai penanda aras terhadap keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan berkesan.

“Sasaran bagi 2030 dijangka pengeluaran sebanyak 958,000 tan metrik dengan nilai RM9.08 bilion dan bagi memastikan hasrat ini tercapai kerjasama negeri sangat diperlukan.

“Negeri perlu menggembeng tenaga serta menggunakan semua sumber yang ada untuk melaksanakan tugas dan fungsi jabatan bagi mencapai pengeluaran akuakultur yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke kolam ternakan ikan air tawar di Kampung Jejulok, Banggu di sini pagi tadi.



Ahli Parlimen Tumpat itu turut meluangkan masa kira-kira satu jam bertemu dan berbincang dengan penternak, Mohd Lokman Mohamad yang mempunyai tiga kolam ikan patin dan dua tilapia merah.

Penternakan yang diusahakan sejak enam tahun lalu itu, mendapat bantuan daripada Jabatan Perikanan serta memasarkan hasil melalui pemborong bagi pasaran tempatan dan luar Kelantan.

Che Abdullah turut mengalu-alukan penglibatan agensi swasta melalui pendekatan 'pro-business environment' dibawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA).

Jelas beliau, di bawah NKEA, tiga projek permulaan (EPP) dilaksanakan bagi projek rumpai laut, projek integrasi sangkar ikan dan projek integrasi kolam melibatkan penternakan udang marin.

"Di samping itu, kita juga merangka beberapa strategi dan pendekatan untuk dilaksanakan kepada pengusaha akuakultur seperti meningkatkan produktiviti sistem ternakan akuakultur sediaada.

"Selain itu kita juga mengalakkan rakyat untuk terlibat dengan pembangunan projek akuakultur baru dalam skala kecil dan sederhana secara berkelompok seluruh negara," katanya. – **HARAKAHDAILY 14/2/2021**